

**PTK
2009**



KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA



**PEPERIKSAAN
PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN (PTK)
DI BAWAH
SISTEM SARAAAN MALAYSIA**

**BUKU KELAYAKAN,
PERATURAN PEPERIKSAAN,
DAN PANDUAN PENDAFTARAN
PEPERIKSAAN PTK 2009**

Calon dinasihati supaya membaca Buku Kelayakan, Peraturan Peperiksaan, dan Panduan Pendaftaran Peperiksaan PTK ini dengan teliti. Kegagalan calon mematuhi arahan ini boleh menyebabkan calon tidak dapat menduduki peperiksaan ini.

KANDUNGAN

	<i>Halaman</i>
PENGENALAN	2
KELAYAKAN MENGAMBIL PEPERIKSAAN PTK 2009	3 – 4
PERATURAN PEPERIKSAAN PTK 2009	5
1 Pendaftaran Peperiksaan	5
2 Arahan dan Panduan Pendaftaran Menggunakan Perisian	5 – 8
3 Jadual Klasifikasi Status Perkhidmatan	8
4 Bayaran Pendaftaran	9
5 Jadual Peperiksaan	9
6 Sukatan Peperiksaan	10
7 Format Peperiksaan	10
8 Pusat Peperiksaan	10 – 11
9 Pertukaran Pusat Peperiksaan	11
10 Tiket Peperiksaan (PTK/T)	11
11 Pembedulan Maklumat Peribadi Calon	12
12 Ketidakupayaan, Penyakit, atau Kecacatan Calon Yang Lain	12
13 Bahan yang Dibawa oleh Calon	12
14 Amaran kepada Calon	13
15 Penarikan Diri	14
16 Keputusan Peperiksaan	14
17 Semakan Semula Keputusan PTK	14
18 Penggantian Slip Keputusan Peperiksaan PTK Yang Baru	15
19 Jabatan/Bahagian/Unit di Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM)	15
20 Agensi Menumpang	15
LAMPIRAN	16 – 40

PENGENALAN

Sistem Saraan Malaysia (SSM) telah dilaksanakan pada 1 November 2002. SSM memperkenalkan peperiksaan Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) yang bertujuan

- menggalakkan pembangunan diri melalui pembelajaran berterusan;
- menggalakkan penggunaan pengetahuan, kemahiran, kreativiti, inovasi, dan *multi-skilling* pelaksanaan tugas;
- menerapkan budaya kerja berpasukan;
- memantapkan organisasi pembelajaran (*learning organization*) dalam sektor awam selaras dengan matlamat melahirkan pekerja berpengetahuan (*k-workers*);
- melaksanakan pengurusan sumber manusia berasaskan kompetensi;
- membolehkan pengiktirafan diberikan kepada pegawai melalui anjakan gaji dan salah satu syarat untuk kemajuan kerjaya (kenaikan pangkat).

Walaupun bagaimanapun, anjakan gaji dan kenaikan pangkat ini masih tertakluk pada syarat-syarat lain yang telah ditetapkan seperti laporan penilaian prestasi tahunan dan perakuan Ketua Jabatan.

Konsep Penilaian Tahap Kecekapan adalah berasaskan kompetensi, iaitu penilaian berdasarkan aktiviti kerja dan penilaian berdasarkan pengetahuan dan kemahiran dalam konteks kerja.

Penilaian Tahap Kecekapan dibuat melalui tiga kaedah penilaian, iaitu peperiksaan, kursus, dan ujian khas. Terdapat enam tahap kecekapan (TK1 – TK6) bagi Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan empat tahap kecekapan (TK1 – TK4) bagi Kumpulan Sokongan I dan II.

TK1 hingga TK3 bagi Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan TK1 hingga TK3 bagi Kumpulan Sokongan ialah tahap kecekapan yang dinilai melalui peperiksaan. TK3 hingga TK6 bagi Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan TK4 bagi Kumpulan Sokongan ialah tahap kecekapan yang dinilai melalui kursus. Ujian Khas PTK pula diadakan bagi kakitangan gred 1 hingga 16 (PAP, Pemandu, PTR, dan lain-lain).

Peperiksaan Penilaian Tahap Kecekapan bagi kakitangan Kementerian Pelajaran Malaysia yang berada dalam Skim Perkhidmatan Guru Siswazah DG44 dan DG41, Guru Bukan Siswazah DGA32, DGA29, DG27, dan DG17(KUP), serta Skim Perkhidmatan Bukan Guru iaitu Pembantu Tadbir (Kerani)/Penyelia Asrama/Pembantu Pengurusan Murid N22 dan N17, Pembantu Tadbir Kewangan W22 dan W17, Pembantu Makmal C22 dan C17, serta Juruteknik J22 dan J17 akan dikendalikan bersama oleh Kementerian Pelajaran Malaysia dan Majlis Peperiksaan Malaysia.

Berkuatkuasa mulai 1 Januari 2007, **semakan semula PTK** akan dikenakan bayaran seperti berikut dan prosedur permohonan adalah seperti pada para 17 dalam Buku Kelayakan, Peraturan Peperiksaan, dan Panduan Pendaftaran Peperiksaan PTK 2009.

Bil.	Kategori/Gred Pegawai	Kadar (RM)
1	Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah (PPPS) Gred DG44	200
2	Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah (PPPS) Gred DG41	100
3	Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Lulusan Diploma (PPPLD) Gred DGA32, DGA29, DG27, dan DG17 (KUP)	50
4	Pegawai/Kakitangan Staf Sokongan Bukan Guru Gred N22, N17, W22, W17, C22, C17, J22, dan J17	30

KELAYAKAN MENGAMBIL PEPERIKSAAN PTK

Kelayakan untuk mengambil peperiksaan PTK adalah seperti yang berikut:

- (a) Calon telah memilih opsyen Sistem Saraan Malaysia (SSM).
- (b) Untuk menduduki peperiksaan Tahap Kecekapan 1 (TK1), calon hendaklah telah disahkan dalam perkhidmatan. Surat pengesahan jawatan yang sedang disandang adalah bukti pengesahan.
- (c) Sekiranya **surat pengesahan jawatan dan surat kenaikan pangkat** diterima selepas tarikh tutup pendaftaran, calon **tidak** layak mendaftar untuk sesi berkenaan tetapi boleh mendaftar untuk sesi yang berikutnya.
- (d) Calon yang telah dinaikkan pangkat setelah mendaftar permohonan pada gred yang terdahulu hendaklah **membatalkan** permohonan tersebut. Sila rujuk pada para 15 dalam Buku Kelayakan, Peraturan Peperiksaan, dan Panduan Pendaftaran Peperiksaan PTK 2009.
- (e) Untuk menduduki peperiksaan Tahap Kecekapan 2 (TK2), calon hendaklah telah berada di peringkat gaji P2 semasa pendaftaran dibuat.
- (f) Calon yang berada di peringkat gaji P3 sebelum tahun 2003 boleh mengambil peperiksaan TK1 atau TK2 untuk tujuan pertimbangan kenaikan pangkat. Untuk tujuan penggabungan kompetensi bagi keputusan keseluruhan, calon perlu menduduki peperiksaan pada Tahap Kecekapan (TK) yang sama pada tahun-tahun yang berkenaan. Calon yang berada di peringkat gaji P3 setelah mendapat anjakan gaji selepas lulus peperiksaan Tahap Kecekapan 2 (TK2) tidak perlu lagi mengambil peperiksaan PTK pada gred jawatan yang sama.
- (g) Untuk menduduki peperiksaan Tahap Kecekapan 3 (TK3), calon hendaklah telah dinaikkan pangkat secara hakiki atau pun secara Khas Untuk Penyandang (KUP).
- (h) Calon yang sedang memangku mana-mana jawatan hanya layak menduduki peperiksaan PTK bagi gred hakiki masing-masing.
- (i) Calon yang cuti belajar bergaji penuh/separuh gaji di semua peringkat pengajian **layak** menduduki peperiksaan PTK bagi gred hakiki masing-masing.
 - Contoh: (i) PPPLD Gred DGA29 dan DGA32 yang mengikuti kursus Siswazah di IPTA
 - (ii) PPPS Gred DG41 yang mengikuti kursus Lulusan Ijazah
 - (iii) Calon yang mengikuti Kursus Pensiswazahan di Institut Perguruan
- (j) Calon yang bercuti tanpa gaji **layak** menduduki peperiksaan PTK.
- (k) Calon yang sedang berkhidmat/belajar/berkursus/bercuti di luar negara boleh memohon untuk menduduki peperiksaan PTK di negara calon sedang berkhidmat/belajar/berkursus/bercuti melalui Jabatan/Sekolah terakhir di mana calon bertugas atau memohon terus kepada MPM melalui e-mel Pegawai Perhubungan Awam MPM **ppa@mpm.edu.my**.
- (l) Calon yang Lulus/Melepassi Tahap Kompetensi pada Aras III atau Aras IV bagi mana-mana kertas dalam peperiksaan PTK dikecualikan daripada menduduki kertas berkenaan. Walau bagaimanapun, calon yang lulus pada Aras III boleh menduduki semula kertas berkenaan bagi tujuan mendapatkan keputusan yang lebih baik pada Aras IV, manakala calon yang Lulus Bersyarat pada Aras II dan calon yang Tidak Melepassi Tahap Kompetensi pada Aras I boleh mengulang kertas berkenaan sehingga calon Melepassi Tahap Kompetensi pada Aras III atau Aras IV.

- (m) Calon yang mendaftar untuk menduduki peperiksaan tetapi **tidak dapat** menghadiri peperiksaan hendaklah mengemukakan surat rasmi penarikan diri **dalam tempoh Penarikan Diri** seperti pada para 15 dalam Buku Kelayakan, Peraturan Peperiksaan, dan Panduan Pendaftaran Peperiksaan PTK 2009.
- (n) Calon yang tidak menghadiri peperiksaan dan **tidak** mengemukakan surat penarikan diri **dalam tempoh penarikan diri** akan dikenakan **sekatan satu urusan PTK**. Walau bagaimanapun, calon yang mempunyai alasan yang berikut boleh mengemukakan permohonan pengecualian sekatan dengan menggunakan borang **BPPS-PTK 1/2009** (berserta dokumen sokongan yang telah disahkan oleh Ketua Jabatan/Pengetua/Guru Besar) selewat-lewatnya dalam tempoh **2 minggu** selepas peperiksaan diadakan (borang boleh didapati di laman web BPPK di alamat apps.emoe.gov.my/bppk):
- (i) Jatuh sakit semasa peperiksaan,
 - (ii) Menerima surat kenaikan pangkat selepas tempoh penarikan diri,
 - (iii) Kematian/ sakit teruk ahli keluarga terdekat semasa peperiksaan,
 - (iv) Bencana alam semasa peperiksaan, dan
 - (v) Menjalankan tugas rasmi atas arahan Ketua Jabatan.

Selaras dengan para (n) di atas, calon yang mengemukakan surat penarikan diri **selepas** tempoh penarikan diri berserta alasan yang lain daripada di atas akan dikenakan sekatan satu urusan PTK.

PERINGATAN :

- Calon yang telah lulus atau telah mendapat Aras IV bagi kedua-dua kertas Kompetensi Umum dan Kompetensi Khusus tetapi belum menerima anjakan gaji (Contoh: Belum berpindah peringkat gaji dari P1 ke P2) **tidak layak** untuk mendaftar peperiksaan PTK 2009.
- Calon yang hanya mendapat khabar secara lisan tentang pengesahan dalam perkhidmatannya **tidak layak** untuk mendaftar peperiksaan PTK 2009.
- Tindakan tatatertib surcaj akan dikenakan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia kepada kedua-dua pihak, iaitu **Ketua Jabatan yang bertanggungjawab** dan **calon**, jika calon yang **tidak layak** di Jabatan/Institusi/Sekolah masing-masing didaftarkan juga untuk peperiksaan PTK 2009.

PERATURAN PEPERIKSAAN PTK

1 Pendaftaran Peperiksaan

- 1.1 Peperiksaan PTK 2009 akan diadakan dua kali setahun, iaitu sesi 1 pada bulan Mac dan sesi 2 pada bulan Ogos. Pendaftaran peperiksaan PTK 2009 dibuka pada **30 Oktober 2008** untuk peperiksaan sesi 1 dan **8 Mei 2009** untuk peperiksaan sesi 2.
- 1.2 Berkuat kuasa mulai tahun 2008, calon yang mendaftarkan diri untuk menduduki peperiksaan PTK sesi 1 dibenarkan mendaftar semula untuk menduduki peperiksaan PTK pada sesi 2 (tertakluk kepada terma dan syarat yang ditetapkan).
- 1.3 JPN/PPG/PPD* akan mengadakan taklimat pendaftaran peperiksaan PTK 2009 kepada Ketua Jabatan/Pengetua/Guru Besar di tempat masing-masing. Ketua Jabatan/Pengetua/Guru Besar pula akan mengadakan taklimat susulan mengenai pendaftaran peperiksaan PTK 2009 kepada calon.
- 1.4 Di peringkat jabatan/sekolah, pendaftaran calon dilakukan dengan menggunakan perisian Sistem Pendaftaran PTK (Sekolah) Versi 5.0 (SPPTKSV5). Data pendaftaran calon disimpan dalam disket untuk dihantar ke JPN/PPG/PPD*.
- 1.5 Calon bertanggungjawab menentukan bahawa semua butiran diri calon dalam borang pendaftaran Akuan Calon (PTK/AP1) adalah betul dan lengkap, dan mendapatkan pengesahan daripada Ketua Jabatan/Pengetua/Guru Besar masing-masing. Borang PTK/AP1 yang lengkap ini akan dicetak **dua** salinan daripada perisian SPPTKSV5. **Salinan pertama** borang PTK/AP1 hendaklah disimpan oleh calon dan **salinan kedua** disimpan oleh Ketua Jabatan/Pengetua/Guru Besar.
- 1.6 Disket yang mengandungi data pendaftaran calon dan Senarai Pengesahan Calon (Sekolah) [PTK/SPC(S)] yang telah disahkan oleh Ketua Jabatan/Pengetua/Guru Besar hendaklah dihantar ke JPN/PPG/PPD* tidak lewat daripada **14 November 2008** bagi pendaftaran sesi 1 dan **22 Mei 2009** bagi pendaftaran sesi 2 (rujuk kalendar PTK 2009 pada Lampiran 2).
- 1.7 Di peringkat JPN/PPG/PPD*, penggabungan data dan penempatan pusat peperiksaan akan dilakukan dengan menggunakan perisian Sistem Pendaftaran PTK (PPD) Versi 5.0 (SPPTKDV5) dan dimuktamadkan dalam disket atau cakera padat (CD).
- 1.8 Data dan Senarai Pengesahan Calon (PPD) [PTK/SPC(D)] yang telah disahkan oleh JPN/PPG/PPD* mestilah sampai ke Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM) tidak lewat daripada **28 November 2008** bagi pendaftaran sesi 1 dan **29 Mei 2009** bagi pendaftaran sesi 2 (rujuk kalendar PTK 2009 pada Lampiran 2).
- 1.9 Pendaftaran yang dibuat selepas tarikh yang dinyatakan pada para 1.8 di atas **tidak akan dilayan**.

2 Arahan dan Panduan Pendaftaran Menggunakan Perisian

- 2.1 Arahan kepada JPN/PPG/PPD*:
 - (a) Ketua Sektor Khidmat Pengurusan dan Pembangunan (KSKPP)/Ketua Sektor Penilaian dan Peperiksaan (KSPP)/Pegawai Pelajaran Pejabat Pelajaran Gabungan (PPG)/Pegawai Pelajaran Pejabat Pelajaran Daerah (PPD) hendaklah mengadakan satu sesi taklimat kepada Ketua Jabatan/Pengetua/Guru Besar di tempat masing-masing tentang Sistem Pendaftaran PTK tahun 2009 yang menggunakan perisian, iaitu SPPTKSV5.

* JPN ialah Sektor Khidmat Pengurusan dan Pembangunan/Sektor Penilaian dan Peperiksaan Jabatan Pelajaran Negeri yang berkenaan sahaja, iaitu JPWP Kuala Lumpur, JPWP Labuan, JPWP Putrajaya, dan JPN Perlis. PPG ialah Pejabat Pelajaran Gabungan di Sabah dan Sarawak, dan PPD ialah Pejabat Pelajaran Daerah di Semenanjung Malaysia.

- (b) JPN/PPG/PPD* akan dibekali Buku Kelayakan, Peraturan Peperiksaan, dan Panduan Pendaftaran PTK 2009 berserta bahan yang berikut:
- (i) Cakera padat (CD) perisian SPPTK (Sekolah) Versi 5.0
 - (ii) Cakera padat (CD) perisian SPPTK (PPD) Versi 5.0
 - (iii) Manual perisian SPPTK (Sekolah) Versi 5.0
 - (iv) Manual perisian SPPTK (PPD) Versi 5.0
- (c) JPN/PPG/PPD* akan dibekali borang-borang yang berikut sebagai rujukan. Borang-borang ini boleh diperolehi dengan mencetaknya daripada perisian SPPTKSV5 atau SPPTKDV5 untuk kegunaan calon.
- (i) PTK/BP : Borang Pendaftaran
 - (ii) PTK/AP1 : Borang Akuan Calon
 - (iii) PTK/CC : Borang Calon Cuti Belajar
 - (iv) PTK/CB : Borang Calon Buta
 - (v) PTK/CR : Borang Calon Rabun
 - (vi) PTK/SPC(S) : Senarai Pengesahan Calon (Sekolah)
 - (vii) PTK/SPC(D) : Senarai Pengesahan Calon (PPD)
 - (viii) PTK/SPP : Borang Senarai Pegawai Pengawas
 - (ix) BPSSPTK-1/2007 : Borang Permohonan Semakan Semula Peperiksaan/Kursus/Ujian Khas PTK
- (d) JPN/PPG/PPD* bertanggungjawab mengumpulkan data, menyemak data, dan menyimpan data yang diterima daripada Ketua Jabatan/Pengetua/Guru Besar/Pegawai Data untuk membuat penempatan pusat peperiksaan calon mengikut bandar peperiksaan.
- (e) JPN/PPG/PPD* bertanggungjawab menyediakan senarai bilik kebal bagi kegunaan penerimaan bahan peperiksaan dan penyimpanan kertas soalan.
- (f) JPN/PPG/PPD* dikehendaki menyediakan Senarai Pegawai Pengawas dan mengisi borang Senarai Pegawai Pengawas (PTK/SPP). Borang PTK/SPP boleh diperolehi dengan mencetaknya daripada CD SPPTKDV5. Borang yang telah diisi hendaklah dihantar ke Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM) tidak lewat daripada **21 Januari 2009** bagi peperiksaan sesi 1 dan **30 Jun 2009** bagi peperiksaan sesi 2.
- (g) JPN/PPG/PPD* dikehendaki mengumpulkan, mengira, dan menyusun borang-borang PTK/CB (jika ada) dan PTK/CR (jika ada) mengikut pusat peperiksaan yang telah ditentukan dan menghantar borang tersebut ke MPM.
- (h) JPN/PPG/PPD* bertanggungjawab menerima disket data pendaftaran calon daripada Ketua Jabatan/Pengetua/Guru Besar/Pegawai Data. Setelah data pendaftaran calon dibuat penempatan pusat, disemak, dan disusun, CD dan disket data pendaftaran calon yang telah dimuktamadkan dan dijanakan hendaklah dihantar ke MPM berserta borang-borang yang berkaitan.
- (i) JPN/PPG/PPD* dikehendaki mencetak Senarai Pengesahan Calon (PPD) [PTK/SPC(D)] dan Borang Kawalan (PTK/K/R) serta menghantarnya bersama dengan CD dan disket data pendaftaran calon yang telah dimuktamadkan dan dijanakan berserta borang-borang lain yang berkaitan ke MPM.
- (j) JPN/PPG/PPD* boleh mendapatkan Manual Pengguna SPPTKDV5 dengan mencetaknya daripada perisian SPPTKDV5.

* JPN ialah Sektor Khidmat Pengurusan dan Pembangunan/Sektor Penilaian dan Peperiksaan Jabatan Pelajaran Negeri yang berkenaan sahaja, iaitu JPWP Kuala Lumpur, JPWP Labuan, JPWP Putrajaya, dan JPN Perlis. PPG ialah Pejabat Pelajaran Gabungan di Sabah dan Sarawak, dan PPD ialah Pejabat Pelajaran Daerah di Semenanjung Malaysia.

2.2 Arahan kepada Ketua Jabatan/Pengetua/Guru Besar:

- (a) Ketua Jabatan/Pengetua/Guru Besar hendaklah mengadakan taklimat pendaftaran peperiksaan PTK kepada calon di tempat masing-masing mengenai kelayakan mengambil peperiksaan PTK dan tarikh-tarikh penting yang tercatat pada kalendar peperiksaan PTK.
- (b) Ketua Jabatan/Pengetua/Guru Besar akan dibekali cakera padat (CD) perisian SPPTKSV5.
- (c) Ketua Jabatan/Pengetua/Guru Besar boleh memperoleh Manual Pengguna SPPTKSV5 dengan mencetaknya daripada perisian SPPTKSV5.
- (d) Ketua Jabatan/Pengetua/Guru Besar hendaklah memastikan bahawa data **EMIS** di sekolah masing-masing **telah dikemaskinikan** sebelum mendaftarkan calon.
- (e) Jika Ketua Jabatan/Pengetua/Guru Besar mendapati bahawa seseorang calon tidak mempunyai data EMIS, calon berkenaan hendaklah diberi Borang Pendaftaran (PTK/BP). Borang ini boleh dicetak daripada perisian SPPTKSV5. Borang ini hendaklah dilengkapkan dan dihantar kepada Pegawai Data di tempat calon berkhidmat untuk didaftarkan masuk secara manual dengan menggunakan perisian SPPTKSV5.
- (f) Ketua Jabatan/Pengetua/Guru Besar hendaklah mencetak **dua** salinan borang Akuan Calon (PTK/AP1) yang lengkap dan meminta calon untuk menyemak bahawa maklumat dalam borang Akuan Calon (PTK/AP1) tersebut adalah betul dan seterusnya mengarahkan calon supaya menandatangani. Borang PTK/SPC(S) juga hendaklah dicetak sebanyak **dua** salinan dan disahkan oleh Ketua Jabatan/Pengetua/Guru Besar. Kedua-dua jenis borang tersebut adalah untuk simpanan pihak-pihak yang berikut:
 - (i) **Salinan pertama PTK/AP1 disimpan oleh calon.**
 - (ii) **Salinan kedua PTK/AP1 disimpan oleh Ketua Jabatan/Pengetua/Guru Besar.**
 - (iii) **Salinan pertama PTK/SPC(S) disimpan oleh Ketua Jabatan/Pengetua/Guru Besar.**
 - (iv) **Salinan kedua PTK/SPC(S) dihantar ke JPN/PPG/PPD*.**
- (g) Ketua Jabatan/Pengetua/Guru Besar hendaklah menyemak jika terdapat calon cacat penglihatan, iaitu:
 - (i) Calon buta yang memerlukan kertas soalan cetakan Braille atau yang memerlukan khidmat **reader** iaitu bagi calon yang tidak boleh membaca cetakan braille.
 - (ii) Calon rabun, iaitu **calon yang mempunyai penglihatan yang tidak dapat dibetulkan oleh kanta biasa (cermin mata)** dan memerlukan kertas soalan cetakan besar.

Calon pada (g)(i) dan (ii) di atas/Pembantu dikehendaki mengisi borang Calon Buta (PTK/CB) atau borang Calon Rabun (PTK/CR), dan borang yang lengkap perlu disahkan oleh Ketua Jabatan/Pengetua/Guru Besar sebelum dihantar ke JPN/PPG/PPD*. Borang-borang tersebut boleh diperolehi dengan mencetaknya daripada perisian SPPTKSV5.
- (h) Ketua Jabatan/Pengetua/Guru Besar hendaklah mengarahkan calon supaya menyemak semua maklumat dalam borang pendaftaran (PTK/BP) dan borang Akuan Calon (PTK/AP1) adalah betul dan lengkap sebelum mengesahkannya.

* JPN ialah Sektor Khidmat Pengurusan dan Pembangunan/Sektor Penilaian dan Peperiksaan Jabatan Pelajaran Negeri yang berkenaan sahaja, iaitu JPWP Kuala Lumpur, JPWP Labuan, JPWP Putrajaya, dan JPN Perlis. PPG ialah Pejabat Pelajaran Gabungan di Sabah dan Sarawak, dan PPD ialah Pejabat Pelajaran Daerah di Semenanjung Malaysia.

- (i) Ketua Jabatan/Pengetua/Guru Besar hendaklah memastikan **disket** yang mengandungi **Data Pendaftaran Calon, Senarai Pengesahan Calon [PTK/SPC(S)], Rumusan Pendaftaran Calon Mengikut Kertas (PTK/RPC), Rumusan Calon Yang Layak Menduduki Peperiksaan [PTK/RCL(S)], borang Calon Buta (PTK/CB) atau borang Calon Rabun (PTK/CR)** (sekiranya ada) telah dilengkapkan dengan betul sebelum **mengesahkannya** dan menghantarnya ke JPN/PPG/PPD*.

2.3 Arahan kepada calon:

- (a) Calon dikehendaki mendengar taklimat daripada Ketua Jabatan/Pengetua/Guru Besar sebelum mendaftar untuk mengambil peperiksaan PTK 2009.
- (b) Calon yang mempunyai data EMIS dikehendaki melengkapkan borang pendaftaran (PTK/BP) dengan mengisikan maklumat tentang pilihan kertas dan kecacatan penglihatan (jika berkaitan). Bagi calon yang tidak mempunyai data EMIS, borang PTK/BP hendaklah dilengkapkan sepenuhnya dan diserahkan kepada Pegawai Data di tempat calon berkhidmat. Borang PTK/BP boleh diperoleh dengan mencetaknya daripada SPPTKSV5.
- (c) Calon dikehendaki menyemak borang Akuan Calon (PTK/AP1) masing-masing untuk memastikannya betul dan menandatangani sebelum disahkan oleh Ketua Jabatan/Pengetua/Guru Besar.
- (d) Calon Cuti Belajar dikehendaki melengkapkan borang PTK/CC dan borang ini boleh diperoleh dari JPN/PPG/PPD* yang berhampiran. Calon dikehendaki melengkapkan borang tersebut dan menghantarnya ke sekolah terakhir calon bertugas untuk pendaftaran.

3 Jadual Klasifikasi Status Perkhidmatan

Kategori pendaftaran calon dilakukan mengikut klasifikasi status perkhidmatan seperti yang berikut:

BIL	KOD	STATUS PERKHIDMATAN	DEFINISI
1	A	Calon Sedang Berkhidmat	- Staf Sekolah - Staf Institut Perguruan - Staf Bahagian-bahagian atau Badan-badan Berkanun di Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) - Staf JPN/PPG/PPD*
2	B	Calon Pinjaman	- Staf KPM yang dipinjamkan ke agensi lain
3	C	Calon Kader	- Staf KPM yang dipinjamkan ke agensi bukan KPM atau staf bukan KPM dipinjamkan ke agensi KPM
4	D	Calon Cuti Belajar	- Staf KPM yang melanjutkan pengajian di IPTA - Staf KPM yang sedang berkursus dalam negara
5	E	Calon Sedang Cuti Tanpa Gaji	- Staf KPM yang mengambil cuti tanpa gaji
6	F	Calon Luar Negara	- Staf KPM yang berkhidmat di Jabatan Penuntut Malaysia (JPM) luar negara sahaja - Staf KPM yang sedang cuti belajar atau berkursus di luar negara sahaja
7	G	Calon Agensi Menumpang (seperti di Lampiran 8)	- Staf Agensi Kerajaan yang bukan di bawah KPM

* JPN ialah Sektor Khidmat Pengurusan dan Pembangunan/Sektor Penilaian dan Peperiksaan Jabatan Pelajaran Negeri yang berkenaan sahaja, iaitu JPWP Kuala Lumpur, JPWP Labuan, JPWP Putrajaya, dan JPN Perlis. PPG ialah Pejabat Pelajaran Gabungan di Sabah dan Sarawak, dan PPD ialah Pejabat Pelajaran Daerah di Semenanjung Malaysia.

4 Bayaran Pendaftaran

- 4.1 Yuran pendaftaran calon yang berkhidmat dengan Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) akan dibiayai oleh KPM.
- 4.2 Calon dari Agensi Menumpang akan dikenakan yuran pendaftaran sebanyak **RM30.00** untuk **bayaran asas** dan **RM35.00** untuk **satu** kertas atau **RM70.00** untuk **dua** kertas.

Yuran pendaftaran hendaklah dibayar oleh calon atau agensi tempat calon berkhidmat dengan menggunakan kiriman wang atas nama **Ketua Eksekutif Majlis Peperiksaan Malaysia** dan dihantar ke alamat yang berikut:

Ketua Eksekutif
Majlis Peperiksaan Malaysia
Bangunan MPM, Persiaran 1
Bandar Baru Selayang
68100 BATU CAVES
Selangor Darul Ehsan

(u.p. **Setiausaha Bahagian Pengendalian PTK-SSM**)

- 4.3 Pendaftaran calon dari agensi kerajaan yang bukan di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) tetapi ingin menumpang hendaklah membuat permohonan bertulis secara rasmi kepada Ketua Eksekutif Majlis Peperiksaan Malaysia. Pendaftaran calon akan dibuat dengan menggunakan perisian SPPTKSV5 dan data pendaftaran calon hendaklah dihantar ke JPN/PPG/PPD* yang berhampiran.

5 Jadual Peperiksaan

TARIKH		WAKTU	KERTAS	GRED JAWATAN
SESI 1 (MAC 2009)	SESI 2 (OGOS 2009)			
17 Mac 2009 Selasa	25 Ogos 2009 Selasa	9:00 – 10:00 pagi 11:00 – 12:00 tengah hari	Kompetensi Umum Kompetensi Khusus	DG44, DGA29, DG27, DG17, N22, N17, W22, W17, C22, C17, J22, dan J17.
18 Mac 2009 Rabu	26 Ogos 2009 Rabu	9:00 – 10:00 pagi 11:00 – 12:00 tengah hari	Kompetensi Umum Kompetensi Khusus	DGA32
19 Mac 2009 Khamis	27 Ogos 2009 Khamis	9:00 – 10:00 pagi 11:00 – 12:00 tengah hari	Kompetensi Umum Kompetensi Khusus	DG41

* JPN ialah Sektor Khidmat Pengurusan dan Pembangunan/Sektor Penilaian dan Peperiksaan Jabatan Pelajaran Negeri yang berkenaan sahaja, iaitu JPWP Kuala Lumpur, JPWP Labuan, JPWP Putrajaya, dan JPN Perlis. PPG ialah Pejabat Pelajaran Gabungan di Sabah dan Sarawak, dan PPD ialah Pejabat Pelajaran Daerah di Semenanjung Malaysia.

6 Sukatan Peperiksaan

- 6.1 Sukatan peperiksaan PTK disediakan dalam tiga kumpulan sukatan peperiksaan seperti yang berikut:
- (a) Sukatan peperiksaan bagi Skim Perkhidmatan Pendidikan - Guru Siswazah gred DG44 dan DG41.
 - (b) Sukatan peperiksaan bagi Skim Perkhidmatan Pendidikan - Guru Bukan Siswazah gred DGA32, DGA29, dan DG17 (KUP).
 - (c) Sukatan peperiksaan bagi Skim Perkhidmatan Bukan Guru (Kumpulan Sokongan) gred N22, N17, W22, W17, C22, C17, J22, dan J17.
- 6.2 Sukatan peperiksaan ini boleh diperoleh daripada Ketua Jabatan/Bahagian/Unit/ Pengetua/Guru Besar masing-masing.
- 6.3 Sukatan peperiksaan PTK ini boleh juga diperoleh dengan melayari laman web Bahagian Pembangunan dan Penilaian Kompetensi, Kementerian Pelajaran Malaysia di alamat **apps.emoe.gov.my/bppk**.

7 Format Peperiksaan

- 7.1 Peperiksaan PTK menawarkan kertas peperiksaan mengikut gred jawatan dan tahap kecekapan (rujuk Lampiran 1).
- 7.2 Semua kertas peperiksaan terdiri daripada jenis **aneka pilihan**. **Empat puluh soalan** aneka pilihan akan diberikan bagi setiap kertas. Setiap kertas diperuntukkan masa selama **satu jam**.
- 7.3 Bagi Skim Perkhidmatan Pendidikan (DG), calon dikehendaki mengambil dua kertas, iaitu kertas **Kompetensi Umum** (Teras dan Profesional) dan satu lagi kertas pilihan, iaitu kertas **Kompetensi Khusus** (Fungsi).
- 7.4 Bagi Skim Perkhidmatan Bukan Guru (Kumpulan Sokongan), calon dikehendaki mengambil dua kertas, iaitu kertas **Kompetensi Umum** dan kertas **Kompetensi Khusus**.
- 7.5 Mulai tahun 2009, kakitangan gred jawatan **N14** dan **N11** (Jurutaip) akan menduduki **PTK UJIAN KHAS**, iaitu Pemerhatian dan Temuduga. Mereka tidak perlu lagi mengambil peperiksaan bagi kertas kompetensi umum dan kertas kompetensi khusus (ujian kederasan menaip) seperti tahun sebelumnya.

8 Pusat Peperiksaan

- 8.1 Pusat peperiksaan untuk calon akan ditentukan oleh JPN/PPG/PPD*. Calon akan ditempatkan di pusat peperiksaan **di bandar tempat calon bertugas**. Calon boleh mengemukakan permintaan kepada JPN/PPG/PPD* tentang pusat peperiksaan yang berhampiran dengan tempat bertugas calon melalui Ketua Jabatan/Bahagian/Unit/ Pengetua/Guru Besar masing-masing. Calon boleh membuat tuntutan perjalanan daripada Ketua Jabatan/ Bahagian/Unit/ Pengetua/Guru Besar masing-masing bagi menghadiri peperiksaan ini.
- 8.2 Calon yang sedang cuti belajar atau sedang berkursus dalam negara akan ditempatkan di pusat peperiksaan **yang berhampiran dengan institusi pengajian masing-masing atau tempat terakhir calon bertugas**. Calon dikehendaki melengkapkan borang PTK/CC yang boleh diperoleh daripada JPN/PPG/PPD* yang berhampiran dan menyerahkan borang yang telah dilengkapkan ke tempat terakhir calon bertugas untuk didaftarkan. Borang PTK/CC boleh diperoleh dengan mencetaknya daripada perisian SPPTKDV5.

* JPN ialah Sektor Khidmat Pengurusan dan Pembangunan/Sektor Penilaian dan Peperiksaan Jabatan Pelajaran Negeri yang berkenaan sahaja, iaitu JPWP Kuala Lumpur, JPWP Labuan, JPWP Putrajaya, dan JPN Perlis. PPG ialah Pejabat Pelajaran Gabungan di Sabah dan Sarawak, dan PPD ialah Pejabat Pelajaran Daerah di Semenanjung Malaysia.

- 8.3 Calon yang sedang cuti belajar, berkursus atau berkhidmat di luar negara akan mengambil peperiksaan PTK di Jabatan Penuntut Malaysia masing-masing. Semua perbelanjaan untuk menduduki peperiksaan ditanggung oleh calon sendiri.

9 Pertukaran Pusat Peperiksaan

- 9.1 Permohonan untuk menukar pusat peperiksaan hanya boleh dibuat **jika calon diarahkan bertukar tempat bertugas**. Calon hendaklah memohon secara bertulis dengan menyertakan bukti surat arahan bertukar tempat bertugas tidak lewat daripada tarikh yang dinyatakan di bawah dan dialamatkan kepada:

Ketua Eksekutif
Majlis Peperiksaan Malaysia
Bangunan MPM, Persiaran 1
Bandar Baru Selayang
68100 BATU CAVES
Selangor Darul Ehsan

(u.p. **Setiausaha Bahagian Pengendalian PTK-SSM**)

Tarikh tutup permohonan pertukaran pusat peperiksaan adalah seperti berikut:

(a) Sesi 1: **9 Januari 2009**

(b) Sesi 2: **18 Jun 2009**

- 9.2 Permohonan yang diterima selepas tarikh-tarikh tersebut **tidak akan dilayan**.
- 9.3 Kelulusan pertukaran pusat peperiksaan ini tertakluk kepada keputusan Majlis Peperiksaan Malaysia.
- 9.4 Calon yang telah diluluskan pertukaran pusat peperiksaannya mestilah mengambil peperiksaan di pusat yang baru dengan menggunakan nombor pusat serta angka giliran yang baru.
- 9.5 Calon yang diluluskan permohonan pertukaran pusat peperiksaannya tetapi tidak mendapat nombor pusat dan angka giliran yang baru hendaklah menghubungi Majlis Peperiksaan Malaysia melalui telefon 03-61369663 atau faks 03-61389453 **seminggu** sebelum tarikh peperiksaan diadakan.

10 Tiket Peperiksaan (PTK/T)

- 10.1 Setiap calon akan diberi tiket peperiksaan (PTK/T), iaitu slip pendaftaran calon sebagai bukti pengesahan dan penerimaan pendaftaran calon oleh MPM. Calon hendaklah menyemak PTK/T untuk memastikan bahawa butirannya adalah betul. Tiket ini mengandungi maklumat yang berikut:

- (a) Nama calon
- (b) Nombor Kad Pengenalan calon
- (c) Angka giliran calon
- (d) Gred jawatan calon
- (e) Nama pusat peperiksaan
- (f) Tahap kecekapan dan kod kertas yang diambil
- (g) Tarikh dan waktu peperiksaan

- 10.2 Calon juga boleh menyemak status pendaftaran mereka melalui sistem pesanan ringkas (SMS) dengan menaip **PTK <jarak> No. Kad Pengenalan** dan menghantarnya ke nombor **39003**. Calon hendaklah melayari laman web MPM **www.mpm.edu.my** untuk mengetahui tarikh dan waktu SMS ini dibuka.

11 Pembetulan Maklumat Peribadi Calon

Pembetulan maklumat peribadi hanya boleh dibuat oleh Majlis Peperiksaan Malaysia. Permohonan hendaklah dibuat secara bertulis ke Majlis Peperiksaan Malaysia dan dihantar bersama-sama salinan dokumen yang berikut tidak lewat daripada **11 Februari 2009** bagi peperiksaan sesi 1 dan **21 Julai 2009** bagi peperiksaan sesi 2.

- (a) Salinan Kad Pengenalan yang telah disahkan oleh Ketua Jabatan/Bahagian/Unit/ Pengetua/Guru Besar.
- (b) Tiket peperiksaan (PTK/T) yang asal.

Tiket peperiksaan (PTK/T) yang baru tidak akan dikeluarkan kepada calon yang berkenaan. Calon hendaklah mencetak (PTK/T) daripada laman web Majlis Peperiksaan Malaysia untuk digunakan semasa sesi peperiksaan.

12 Ketidakupayaan, Penyakit, atau Kekacatan Calon Yang Lain

12.1 Bagi calon cacat penglihatan (buta), calon/pembantu dikehendaki mengisi Borang Maklumat Calon Buta (PTK/CB) dan disahkan oleh Ketua Jabatan/Bahagian/Unit/ Pengetua/Guru Besar. Borang ini hendaklah diserahkan bersama-sama dengan data pendaftaran calon ke MPM melalui JPN/PPG/PPD*. Borang PTK/CB boleh diperoleh daripada sekolah atau JPN/PPG/PPD* dengan mencetaknya daripada CD perisian SPPTKSV5.

12.2 Bagi calon cacat penglihatan (rabun) iaitu **calon yang mempunyai penglihatan yang tidak dapat dibetulkan oleh kanta biasa (cermin mata)**, calon/pembantu dikehendaki mengisi Borang Maklumat Calon Rabun (PTK/CR) dan disahkan oleh Ketua Jabatan/Bahagian/Unit/ Pengetua/Guru Besar. Borang ini hendaklah diserahkan bersama-sama dengan data pendaftaran calon ke MPM melalui JPN/PPG/PPD*. Borang PTK/CR boleh diperoleh daripada sekolah atau JPN/PPG/PPD* dengan mencetaknya daripada CD perisian SPPTKSV5.

12.3 Calon yang menghidapi penyakit atau mengalami ketidakupayaan selain yang tersebut di atas boleh membuat permohonan secara bertulis bagi mendapatkan pertimbangan khas daripada Ketua Eksekutif Majlis Peperiksaan Malaysia (u.p. **Setiausaha Bahagian Pengendalian PTK-SSM**) untuk menduduki peperiksaan ini.

13 Bahan yang Dibawa oleh Calon

13.1 Calon dikehendaki membawa **kad pengenalan** dan **tiket peperiksaan PTK (PTK/T)** semasa menghadiri peperiksaan. Calon yang tidak membawa kad pengenalan dan PTK/T **tidak** dibenarkan menduduki peperiksaan ini.

13.2 Kertas soalan peperiksaan ini berbentuk soalan aneka pilihan. Calon hendaklah membawa pensel **BB** atau **2B** dan getah pemadam. Penggunaan **cecair pemadam** **dilarang** sama sekali.

* JPN ialah Sektor Khidmat Pengurusan dan Pembangunan/Sektor Penilaian dan Peperiksaan Jabatan Pelajaran Negeri yang berkenaan sahaja, iaitu JPWP Kuala Lumpur, JPWP Labuan, JPWP Putrajaya, dan JPN Perlis. PPG ialah Pejabat Pelajaran Gabungan di Sabah dan Sarawak, dan PPD ialah Pejabat Pelajaran Daerah di Semenanjung Malaysia.

14 Amaran kepada Calon

14.1 Calon diberi amaran supaya:

- (a) **jangan** membawa atau menerima daripada sesiapa sahaja, apa-apa buku, nota, kertas dokumen, gambar, atau apa-apa peranti lain, **kecuali** apa yang dibenarkan oleh Ketua Pengawas;
- (b) **jangan** berhubung dengan mana-mana calon lain atau mana-mana orang semasa peperiksaan berlangsung, walau dengan apa cara sekalipun, **kecuali** dengan kebenaran Ketua Pengawas;
- (c) **jangan** melanggar atau tidak mematuhi apa-apa arahan Majlis Peperiksaan Malaysia, Ketua Pengawas, atau Pengawas;
- (d) **jangan** mengganggu ketenteraman atau melakukan kekacauan di dalam atau di sekitar dewan/bilik peperiksaan;
- (e) **jangan** bersubahat dengan orang lain dengan tujuan untuk menipu;
- (f) **jangan** mewakilkan orang lain menduduki peperiksaan ini dengan tujuan untuk menipu;
- (g) **jangan** menipu atau cuba menipu, atau berkelakuan dengan cara yang boleh dianggap sebagai menipu, atau cuba menipu untuk tujuan peperiksaan ini;
- (h) **jangan** membawa keluar kertas soalan, membuat fotokopi, menyalin keseluruhan atau mana-mana bahagian daripada kertas soalan, atau menghilangkan keseluruhan atau mana-mana bahagian daripada kertas soalan.

14.2 Jika seseorang calon melanggar arahan dan amaran bagi peperiksaan ini atau terlibat dalam sebarang perbuatan luar biasa, biadab, atau melakukan sebarang perbuatan tidak jujur yang bersabit dengan peperiksaan ini, Kementerian Pelajaran Malaysia berhak menyingkirkan calon berkenaan daripada mengambil peperiksaan ini. Calon juga boleh diambil tindakan tatatertib jika sabit kesalahan.

14.3 Jika Kementerian Pelajaran Malaysia mendapati bahawa sesuatu perbuatan salah laku atau perbuatan melanggar arahan atau amaran bagi peperiksaan ini telah berlaku dengan meluas di sesuatu pusat peperiksaan, atau keadaan pada masa peperiksaan itu dijalankan tidak memuaskan, maka Kementerian Pelajaran Malaysia berhak membatalkan seluruh peperiksaan di pusat berkenaan.

14.4 Calon juga diminta mengambil perhatian tentang arahan yang berikut:

- (a) Calon **dilarang** sama sekali membawa keluar kertas soalan dari dewan/bilik peperiksaan.
- (b) Calon **tidak boleh** membawa masuk sebarang alat rekod atau komunikasi dalam apa bentuk sekalipun ke dalam dewan/bilik peperiksaan.
- (c) Calon **tidak dibenarkan** sama sekali merokok semasa berada di dalam dewan/bilik peperiksaan. Sekolah ialah kawasan larangan merokok.
- (d) Calon **hendaklah berpakaian pejabat yang kemas semasa menduduki peperiksaan ini** serta sentiasa menjaga tatatertib semasa berada di dalam dewan/bilik peperiksaan.

14.5 Sekiranya calon menerima kertas soalan yang lain daripada kertas yang didaftarkannya, calon hendaklah memberitahu Ketua Pengawas atau Pengawas dengan serta-merta.

15 Penarikan Diri

Calon yang mendaftar untuk menduduki peperiksaan tetapi bercadang untuk menarik diri kerana mempunyai masalah yang tidak dapat dielakkan hendaklah mengemukakan surat rasmi bersama dengan alasan dan dialamatkan kepada:

Ketua Eksekutif
Majlis Peperiksaan Malaysia
Bangunan MPM, Persiaran 1
Bandar Baru Selayang
68100 BATU CAVES
Selangor Darul Ehsan
(u.p. **Setiausaha Bahagian Pengendalian PTK-SSM**)

tidak lewat daripada **9 Januari 2009** bagi peperiksaan sesi 1 dan **18 Jun 2009** bagi peperiksaan sesi 2. Selepas tarikh ini, sekiranya calon tersebut **tidak** menduduki peperiksaan pada tarikh yang telah ditetapkan, calon tersebut akan dianggap **tidak** hadir.

16 Keputusan Peperiksaan

- 16.1 Slip keputusan peperiksaan akan dikeluarkan dan diedarkan kepada setiap calon melalui JPN/PPG/PPD*.
- 16.2 Kementerian Pelajaran Malaysia berhak meminda maklumat pada slip keputusan peperiksaan.

17 Semakan Semula Keputusan PTK

Prosedur permohonan semakan semula PTK adalah seperti yang berikut:

- (a) Permohonan hendaklah menggunakan Borang BPSSPTK-01/2009 dan perlu dikemukakan melalui Ketua Jabatan/Bahagian/Unit/Pengetua/Guru Besar masing-masing. Sila rujuk borang berkenaan di **Lampiran 5**.
- (b) Sertakan salinan kad pengenalan yang telah disahkan.
- (c) Sertakan salinan slip keputusan PTK yang telah disahkan oleh Ketua Jabatan/Pengetua/Guru Besar masing-masing.
- (d) Sertakan Wang Pos atau Kiriman Wang Pos atas nama Ketua Akauntan Kementerian Pelajaran Malaysia. Wang tunai/cek **tidak** diterima.
- (e) Permohonan hendaklah sampai kepada:
Setiausaha Bahagian,
Bahagian Pembangunan dan Penilaian Kompetensi,
Kementerian Pelajaran Malaysia,
Blok 4803, Suite 0-2
Bangunan CBD Perdana
Off Persiaran Multimedia
63000 CYBERJAYA
Selangor Darul Ehsan

selewat-lewatnya **sebulan** selepas tarikh keputusan PTK diumumkan.
- (f) Sertakan **dua** sampul surat beralamat sendiri (alamat tempat bertugas terkini) dan berselem RM0.30 setiap satu.
- (g) Jika permohonan dihantar melalui pos, sila tulis **SEMAK SEMULA PTK** di penjuru kiri sebelah atas sampul surat.

* JPN ialah Sektor Khidmat Pengurusan dan Pembangunan/Sektor Penilaian dan Peperiksaan Jabatan Pelajaran Negeri yang berkenaan sahaja, iaitu JPWP Kuala Lumpur, JPWP Labuan, JPWP Putrajaya, dan JPN Perlis. PPG ialah Pejabat Pelajaran Gabungan di Sabah dan Sarawak, dan PPD ialah Pejabat Pelajaran Daerah di Semenanjung Malaysia.

18 Penggantian Slip Keputusan Peperiksaan PTK Yang Baru

Calon boleh membuat rayuan untuk mendapatkan penggantian slip keputusan PTK yang baru kerana maklumat peribadi yang salah, hilang, atau rosak dengan mengemukakan permohonan secara bertulis dan disertai dengan dokumen yang berikut:

- (a) Salinan kad pengenalan
- (b) Slip Keputusan Peperiksaan asal yang salah atau rosak (jika ada), dan
- (c) Kiriman Wang* atau Draf Bank.

* Calon akan dikenakan caj sebanyak **RM20.00** bagi permohonan yang dibuat bagi kali pertama, **RM30.00** bagi permohonan kali kedua, dan **RM50.00** bagi permohonan kali ketiga bagi sesuatu tahun peperiksaan. Bayaran hendaklah dibuat dengan menggunakan kiriman wang atas nama **Ketua Eksekutif Majlis Peperiksaan Malaysia**.

19 Jabatan/Bahagian/Unit di Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM)

Bahagian-bahagian di Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) hendaklah menghantar pendaftaran calon mereka dengan menggunakan perisian SPPTKSV5 ke JPN/PPG/PPD* yang berhampiran. Pendaftaran menggunakan perisian ini memerlukan kod agensi. Kod Jabatan/Bahagian/Unit di KPM disenaraikan seperti dalam **Jadual 1** dan **2** (rujuk Lampiran 6). Mana-mana Jabatan/Bahagian/Unit di KPM yang tidak tersenarai dalam **Jadual 1** dan **2** hendaklah mendapatkan Kod Jabatan/Bahagian/Unit di KPM mereka daripada MPM.

20 Agensi Menumpang

Agensi menumpang hendaklah menghantar pendaftaran calon mereka dengan menggunakan perisian SPPTKSV5 ke JPN/PPG/PPD* yang berhampiran. Pendaftaran menggunakan perisian ini memerlukan kod agensi. Kod-kod Jabatan bagi agensi menumpang disenaraikan seperti dalam **Jadual 4** (rujuk Lampiran 8). Mana-mana agensi menumpang yang tidak tersenarai dalam **Jadual 4** hendaklah mendapatkan Kod Jabatan dan Kod Agensi mengikut JPN/PPG/PPD* bagi agensi menumpang mereka daripada MPM.

* JPN ialah Sektor Khidmat Pengurusan dan Pembangunan/Sektor Penilaian dan Peperiksaan Jabatan Pelajaran Negeri yang berkenaan sahaja, iaitu JPWP Kuala Lumpur, JPWP Labuan, JPWP Putrajaya, dan JPN Perlis. PPG ialah Pejabat Pelajaran Gabungan di Sabah dan Sarawak, dan PPD ialah Pejabat Pelajaran Daerah di Semenanjung Malaysia.

Lampiran:

**SENARAI KERTAS PEPERIKSAAN PTK
BAGI SKIM PERKHIDMATAN PENDIDIKAN (DG)**

Gred Jawatan	Tahap Kecekapan	Kod Tahap Kecekapan dan Nombor Kertas	Nama Kertas	Masa	Nota
DG41	TK1	701/01	Kompetensi Umum (Teras dan Profesional)	1 jam	Wajib Pilih satu sahaja daripada kertas 701/02 hingga 701/29
		701/02	Kompetensi Khusus (Fungsi) Pengurusan Pengajaran dan Pembelajaran	1 jam	
		701/03	Pengurusan Pengajaran dan Pembelajaran (Pendidikan Khas)		
		701/04	Pengurusan Pentadbiran Umum		
		701/05	Pengurusan Kurikulum		
		701/06	Pengurusan Peperiksaan		
		701/07	Pengurusan Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan		
		701/08	Pengurusan Pengambilan Pelajar		
		701/10	Pengurusan Kokurikulum		
		701/11	Pengurusan Penaziran		
		701/12	Pengurusan Hal Ehwal Pelajar		
		701/13	Pengurusan Pendidikan Sukan		
		701/14	Pengurusan Bimbingan dan Kaunseling		
		701/15	Pengurusan bagi Pensyarah Maktab dan Kolej Matrikulasi		
		701/16	Pengurusan Buku Teks		
		701/17	Pengurusan Pendidikan Swasta		
		701/18	Pengurusan Pentadbiran Pendidikan Khas		
		701/26	Pengurusan Penerbitan Rancangan TV dan Radio Pendidikan		
		701/27	Pengurusan Pembangunan Perisian Kursus Pendidikan dan Pengurusan Teknologi Maklumat dalam Pendidikan		
701/28	Pengurusan Perkhidmatan Sumber Pendidikan				
701/29	Pengurusan Latihan Institut Aminuddin Baki				

- Nota:**
- (i) Kertas 701/09 Pengurusan Teknologi Pendidikan telah dimansuhkan pada tahun 2004.
 - (ii) Kertas 701/19, 701/20, 701/21, 701/22, 701/23, dan 701/24 telah dimansuhkan pada tahun 2005 dan digantikan dengan kertas yang berikut:
 - 701/26 Pengurusan Penerbitan Rancangan TV dan Radio Pendidikan
 - 701/27 Pengurusan Pembangunan Perisian Kursus Pendidikan dan Pengurusan Teknologi Maklumat dalam Pendidikan
 - 701/28 Pengurusan Perkhidmatan Sumber Pendidikan
 - (iii) Calon Guru Besar DG41 boleh memohon untuk menduduki kertas peperiksaan yang berikut:
 - Kompetensi Umum
 - 701/01 Teras dan Profesional
 - Kompetensi Khusus
 - 701/04 Pengurusan Pentadbiran Umum

Gred Jawatan	Tahap Kecekapan	Kod Tahap Kecekapan dan Nombor Kertas	Nama Kertas	Masa	Nota
DG41	TK2	702/01	Kompetensi Umum (Teras dan Profesional)	1 jam	Wajib
		702/02	Kompetensi Khusus (Fungsi) Pengurusan Pengajaran dan Pembelajaran	1 jam	Pilih satu sahaja daripada kertas 702/02 hingga 702/29
		702/03	Pengurusan Pengajaran dan Pembelajaran (Pendidikan Khas)		
		702/04	Pengurusan Pentadbiran Umum		
		702/05	Pengurusan Kurikulum		
		702/06	Pengurusan Peperiksaan		
		702/07	Pengurusan Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan		
		702/08	Pengurusan Pengambilan Pelajar		
		702/10	Pengurusan Kokurikulum		
		702/11	Pengurusan Penaziran		
		702/12	Pengurusan Hal Ehwal Pelajar		
		702/13	Pengurusan Pendidikan Sukan		
		702/14	Pengurusan Bimbingan dan Kaunseling		
		702/15	Pengurusan bagi Pensyarah Maktab dan Kolej Matrikulasi		
		702/16	Pengurusan Buku Teks		
		702/17	Pengurusan Pendidikan Swasta		
		702/18	Pengurusan Pentadbiran Pendidikan Khas		
		702/26	Pengurusan Penerbitan Rancangan TV dan Radio Pendidikan		
		702/27	Pengurusan Pembangunan Perisian Kursus Pendidikan dan Pengurusan Teknologi Maklumat dalam Pendidikan		
		702/28	Pengurusan Perkhidmatan Sumber Pendidikan		
702/29	Pengurusan Latihan Institut Aminuddin Baki				

- Nota:**
- (i) Kertas 702/09 Pengurusan Teknologi Pendidikan telah **dimansuhkan** pada tahun 2004.
 - (ii) Kertas 702/19, 702/20, 702/21, 702/22, 702/23, dan 702/24 telah **dimansuhkan** pada tahun 2005 dan **digantikan** dengan kertas yang berikut:
 - 702/26 Pengurusan Penerbitan Rancangan TV dan Radio Pendidikan
 - 702/27 Pengurusan Pembangunan Perisian Kursus Pendidikan dan Pengurusan Teknologi Maklumat dalam Pendidikan
 - 702/28 Pengurusan Perkhidmatan Sumber Pendidikan
 - (iii) Calon Guru Besar DG41 boleh memohon untuk menduduki kertas peperiksaan yang berikut:
 - Kompetensi Umum
 - 702/01 Teras dan Profesional
 - Kompetensi Khusus
 - 702/04 Pengurusan Pentadbiran Umum

Gred Jawatan	Tahap Kecekapan	Kod Tahap Kecekapan dan Nombor Kertas	Nama Kertas	Masa	Nota
DG44	TK3	703/01	Kompetensi Umum (Teras dan Profesional)	1 jam	Wajib
		703/02	Kompetensi Khusus (Fungsi) Pengurusan Pengajaran dan Pembelajaran	1 jam	Pilih satu sahaja daripada kertas 703/02 hingga 703/34
		703/03	Pengurusan Pengajaran dan Pembelajaran (Pendidikan Khas)		
		703/04	Pengurusan Pentadbiran Umum		
		703/05	Pengurusan Kurikulum		
		703/06	Pengurusan Pentaksiran		
		703/07	Pengurusan Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan		
		703/08	Pengurusan Pengambilan Pelajar		
		703/10	Pengurusan Kokurikulum		
		703/11	Pengurusan Penaziran		
		703/12	Pengurusan Hal Ehwal Pelajar		
		703/13	Pengurusan Pendidikan Sukan		
		703/14	Pengurusan Bimbingan dan Kaunseling		
		703/15	Pengurusan bagi Pensyarah Institut Perguruan		
		703/16	Pengurusan Buku Teks		
		703/17	Pengurusan Pendidikan Swasta		
		703/18	Pengurusan Pentadbiran Pendidikan Khas		
		703/26	Pengurusan Penerbitan Rancangan TV Pendidikan		
		703/27	Pengurusan Pembangunan Perisian Kursus Pendidikan		
		703/28	Pengurusan Perkhidmatan Sumber Pendidikan		
703/29	Pengurusan Latihan Institut Aminuddin Baki				
703/33	Pengurusan Pensyarah Kolej Matrikulasi				
703/34	Pengurusan Pembestarian				

Gred Jawatan	Tahap Kecekapan	Kod Tahap Kecekapan dan Nombor Kertas	Nama Kertas	Masa	Nota
DGA29	TK1	711/01	Kompetensi Umum (Teras dan Profesional)	1 jam	Wajib
		711/02	Kompetensi Khusus (Fungsi) Pengurusan Pengajaran dan Pembelajaran	1 jam	
		711/03	Pengurusan Pengajaran dan Pembelajaran (Pendidikan Khas)		
		711/04	Pengurusan Pentadbiran Umum		
		711/05	Pengurusan Kurikulum		
		711/06	Pengurusan Peperiksaan		
		711/07	Pengurusan Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan		
		711/08	Pengurusan Pengambilan Pelajar		
		711/10	Pengurusan Kokurikulum		
		711/12	Pengurusan Hal Ehwal Pelajar		
		711/13	Pengurusan Pendidikan Sukan		
		711/14	Pengurusan Bimbingan dan Kaunseling		
		711/22	Pengurusan Penerbitan Rancangan TV dan Radio Pendidikan		
		711/23	Pengurusan Pembangunan Perisian Kursus Pendidikan dan Pengurusan Teknologi Maklumat dalam Pendidikan		
		711/24	Pengurusan Perkhidmatan Sumber Pendidikan		

- Nota:**
- (i) Kertas 711/09 Pengurusan Teknologi Pendidikan telah **dimansuhkan** pada tahun 2004.
